



S P E E C H E S

**Ucapan Pembukaan oleh
Encik Ali Abdul Kadir, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti
di
Bengkel Usahawan Bumiputera: Penjanaan Modal Melalui
Pasaran Ekuiti Malaysia
anjaran bersama
Unit Bumiputera Suruhanjaya Sekuriti, Pusat Perkembangan Industri
Sekuriti
dan Perbadanan Nasional Berhad
22 November 1999**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera Kepada Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang ke Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan seterusnya ke Bengkel Usahawan Bumiputera pada hari ini.

Bengkel Usahawan Bumiputera ini, yang dianjurkan bersama dengan Perbadanan Nasional Berhad (PNS), bertujuan untuk mendidik para usahawan Bumiputera daripada syarikat-syarikat ahli PNS mengenai peluang-peluang dan faedah-faedah yang boleh diperolehi daripada penyertaan sama ada di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) atau di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebutharga Automasi Malaysia (MESDAQ). Syarikat-syarikat yang menyertai bengkel ini telah dikenalpasti oleh PNS, berdasarkan profil dan kesediaan syarikat-syarikat Tuan-Tuan dan Puan-Puan, sebagai berpotensi untuk disenaraikan.

Para peserta bengkel ini akan didedahkan kepada isu-isu penting seperti prosedur dan syarat-syarat penyertaan, pentadbiran korporat yang menjadi asas penting kepada syarikat-syarikat tersenarai, dan penentuan nilai saham syarikat serta kos-kos penyertaan yang akan dibentangkan oleh penceramah-penceramah berpengalaman daripada BSKL, MESDAQ, Institut Pentadbiran Korporat Malaysia dan bank saudagar.

Para peserta juga akan berkesempatan untuk mendengar pengalaman syarikat-syarikat ahli PNS yang telah berjaya disenaraikan di BSKL dan MESDAQ yang akan disampaikan oleh wakil daripada syarikat-syarikat tersebut.

Saya berharap, dengan pendedahan yang bakal dikongsi bersama ini, akan dapat membantu para peserta di dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera di dalam pasaran modal melalui penyertaan syarikat-syarikat di bursa saham.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Setelah lebih dua tahun Malaysia dilanda krisis ekonomi, negara kita kini sedang berada di landasan pemulihan. Berbanding dengan negara Asia yang lain, kita telah berjaya

S P E E C H E S

menangani masalah krisis ekonomi ini dengan cara kita tersendiri. Kawalan mata wang yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia, pada awalnya mendapat tentangan hebat daripada kebanyakan pelusuk ekonomi dunia, tetapi kini telah diiktiraf keberkesanannya dalam memulihkan ekonomi Malaysia. Faktor ini harus dijadikan contoh kepada rakyat Malaysia bahawa kita berkemampuan untuk bersaing dan menghadapi cabaran setaraf dengan negara-negara membangun yang lain.

Kaum Bumiputera harus menyedari bahawa saingan dan cabaran di era globalisasi ini amat sengit. Pada Kongres Ekonomi Bumiputera Ke Empat baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menegaskan bahawa Kerajaan tidak mungkin boleh selama-lamanya terus melindungi kaum Bumiputera jika mereka sendiri tidak dapat melindungi diri. Ini bermakna Bumiputera harus berusaha lebih gigih untuk meningkatkan kedudukannya di dalam sektor ekonomi. SC mengalukan-alukan inisiatif serta usaha ke arah membangun dan memperkukuhkan lagi penyertaan Bumiputera di dalam sektor ekonomi, secara amnya, dan pasaran modal khususnya. Pasaran modal adalah nadi penting dalam ekonomi negara selain daripada industri perbankan, insurans, kewangan dan lain-lain. Prestasi pasaran modal bukan sahaja dijadikan sebagai salah satu kayu pengukur kejayaan ekonomi negara, tetapi matlamat utamanya adalah untuk membantu syarikat-syarikat menjana modal bagi memperluaskan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka melalui terbitan sekuriti kepada orang ramai. Golongan Bumiputera boleh mendapatkan manfaat yang besar daripada pembangunan pesat di dalam pasaran modal. Saya percaya bahawa pasaran modal kita akan terus membangun di masa hadapan dan peluang-peluang baru akan dibuka. Usahawan-usahawan Bumiputera juga harus memantau perkembangan-perkembangan yang telah, dan akan, berlaku serta mengambil peluang-peluang yang disediakan untuk memajukan ekonomi mereka. Usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat Bumiputera seharusnya menjadi peserta aktif di dalam pasaran modal menyimpan aspirasi untuk menyenaraikan syarikat mereka serta bekerja keras ke arah itu.

Menyedari peranan penting pasaran modal di dalam menggerakkan pembangunan ekonomi dan mengembangkan produktivinya, Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan inisiatif SC untuk membentuk Pelan Induk Pasaran Modal, atau Capital Market Masterplan (CMP). Pelan ini bertujuan untuk merangka hala tuju pasaran modal Malaysia untuk sepuluh tahun yang akan datang dengan harapan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi negara, memperbaiki kelemahan pasaran modal yang terbit ketika krisis ekonomi melanda negara serta menyediakan institusi-institusi pasaran modal untuk menghadapi liberalisasi. Pembabitan Bumiputera di dalam pasaran modal telah dikenalpasti sebagai salah satu komponen penting di dalam Pelan Induk Pasaran Modal.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Di sini, saya ingin menerangkan berkenaan pembabitan kaum Bumiputera di dalam pasaran modal negara: "Terlebih dahulu, bilangan syarikat Bumiputera yang tersenarai

S P E E C H E S

di BSKL sememangnya bertambah dari tahun ke tahun. Umpamanya pada tahun 1993, cuma terdapat empat syarikat Bumiputera yang diluluskan untuk disenaraikan di BSKL. Bandingkan jumlah ini dengan jumlah di akhir bulan Ogos 1999 di mana terdapat 81 syarikat Bumiputera yang diluluskan untuk disenaraikan di BSKL. Majoriti daripada syarikat Bumiputera yang tersenarai adalah di Papan Utama BSKL. Jumlah syarikat Bumiputera yang telah disenaraikan setakat akhir Ogos 1999 ialah 204 daripada 745 syarikat tersenarai. Daripada jumlah ini, 142 berada di Papan Utama dan 62 di Papan Kedua.

.. Seterusnya, kadar kelulusan bagi permohonan penyenaian oleh syarikat Bumiputera iaitu sebanyak 80.2 peratus, adalah tinggi berbanding dengan 63.8 peratus syarikat bukan Bumiputera yang menerima kelulusan dalam tempoh yang sama.

.. Dari sudut nilai nominal ekuiti pula, pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur Bumiputera dalam syarikat-syarikat tersenarai di BSKL adalah memerangsangkan. Daripada tahun 1996 sehingga 1998, pelabur-pelabur Bumiputera telah memegang lebih daripada 40 peratus nilai nominal ekuiti syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL. Ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan kurang daripada 5 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera pada tahun 1971 apabila Dasar Ekonomi Baru digubal.

.. Dari segi bilangan pelabur Bumiputera pula, bilangannya kian meningkat dari tahun ke tahun. Pada penghujung tahun 1996, 549 ribu atau 14.1 peratus daripada 3.9 juta jumlah pemegang ekuiti syarikat-syarikat tersenarai di BSKL adalah pelabur Bumiputera. Menjelang akhir tahun 1998, bilangan pelabur Bumiputera telah meningkat kepada 922 ribu atau 16.4 peratus daripada 5.6 juta jumlah pelabur keseluruhan di BSKL. Walau bagaimanapun, bilangan ini tidak termasuk pelabur-pelabur yang melabur di dalam skim-skim pelaburan kolektif yang diuruskan oleh agensi-agensi amanah. Bilangan pelabur Bumiputera adalah lebih besar jika pelaburan Bumiputera melalui agensi-agensi amanah diambil kira.

Tujuan saya membentangkan maklumat ini ialah untuk menunjukkan bahawa golongan Bumiputera mempunyai potensi yang besar untuk maju di dalam pasaran modal negara. Bumiputera harus menyedari hakikat ini dan berusaha menuju ke arah pembabitan yang lebih agresif dalam sektor ini. Kerajaan sentiasa menggalakkan golongan Bumiputera berkecimpung di dalam perniagaan dan dengan kesedaran usahawan-usahawan Bumiputera akan faedah penyenaian, saya percaya bahawa lebih banyak lagi syarikat Bumiputera akan tampil ke hadapan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Apakah faedah-faedah yang boleh didapati daripada penyenaian? Seperti yang telah saya katakan tadi, pasaran modal adalah medan bagi sesebuah syarikat untuk mendapatkan modal untuk memperkembangkan operasi perniagaan mereka. Syarikat tersenarai akan mempunyai asas dana yang luas, seperti ekuiti, sekuriti hutang

S P E E C H E S

persendirian atau sekuriti hutang yang dicantumkan dengan instrumen ekuiti. Syarikat-syarikat tersenarai juga akan mudah menerima kredit daripada institusi-institusi kewangan dengan syarat-syarat yang kompetitif akibat kedudukan kredit syarikat tersenarai yang tinggi itu.

Penyenaraian memastikan kecairan syer-syer syarikat yang seterusnya akan menarik minat asas pelabur yang lebih luas seperti pelabur-pelabur institusi, dana unit amanah, syarikat-syarikat insurans, syarikat-syarikat pelaburan dan juga pelabur-pelabur awam dari dalam dan luar negara.

Sesebuah syarikat tersenarai menikmati profil serta reputasi yang lebih tinggi daripada syarikat-syarikat tidak tersenarai. Status tersenarai sesebuah syarikat menunjukkan kekuatan syarikat tersebut dan akan menambahkan lagi reputasi dan kredibilitinya. Ini akan seterusnya memudahkan penjualan produk-produk syarikat, menarik perniagaan baru serta meransang pertumbuhan syarikat.

Pemegang-pemegang saham sesebuah syarikat tersenarai akan menikmati nilai harga yang lebih tinggi untuk syer-syer mereka. Selain daripada itu, mereka juga berpeluang untuk memasuki pasaran saham yang tersedia ada untuk mengurusniaga syer-syer tersenarai mereka.

Akibat daripada kecairan syer-syer, sesebuah syarikat tersenarai berupaya untuk memperolehi aset-aset ataupun syarikat-syarikat lain melalui penukaran syer tanpa mengganggu aliran wang tunai.

Faedah seterusnya bagi sesebuah syarikat tersenarai adalah keupayaan syarikat tersebut untuk menarik, membendung dan memberi ganjaran kepada kakitangan melalui penubuhan skim opsyen syer pekerja atau ESOS. Sesebuah syarikat tersenarai memungkinkan pengurusan yang lebih profesional dan oleh itu adalah lebih menarik kepada kakitangan yang sedia ada dan juga yang bakal memasuki syarikat tersebut.

Terdapat banyak lagi faedah penyenaraian selain daripada contoh-contoh yang telah saya berikan ini. Hakikatnya ialah syarikat-syarikat Bumiputera berpotensi untuk menunjukkan pertumbuhan yang lebih pesat sekiranya mereka disenaraikan. Walau bagaimanapun, sebelum sesebuah syarikat itu disenaraikan di bursa saham, ia harus memenuhi syarat-syarat penyenaraian yang dikenakan oleh badan-badan seperti SC dan BSKL. Syarat-syarat yang dikenakan adalah dari segi kuantitatif seperti rekod keuntungan selepas cukai yang baik, dan juga dari segi kualitatif seperti mempunyai penganjur, pengarah dan pengurusan yang berkepakaran dan berkemahiran tinggi. Syarat-syarat penyenaraian memang telah dirumus dengan ketat untuk memastikan syarikat-syarikat tersenarai itu mampu untuk bersaing di dalam pasaran modal yang mencabar.

S P E E C H E S

SC amat menggalakkan penyenaian syarikat-syarikat Bumiputera. Setelah menerima hakikat bahawa kebanyakan syarikat Bumiputera adalah bukan milik keluarga dan tidak mempunyai sejarah yang panjang, SC telah mewujudkan beberapa kelonggaran seperti, membenarkan syarikat-syarikat Bumiputera yang beroperasi dalam perniagaan yang sama untuk dikumpulkan bagi tujuan penyenaian tanpa mematuhi kriteria bagi penggunaan akaun secara proforma iaitu -

- (i) semua syarikat yang dikumpulkan hendaklah mempunyai pengarah-pengarah yang sama; dan
- (ii) semua syarikat yang dikumpulkan hendaklah mempunyai pemegang-pemegang saham yang mempunyai penguasaan, secara kolektif, yang sama.

Kemudahan seperti ini tidak diberi kepada kumpulan syarikat-syarikat bukan Bumiputera. Namun begitu, syarikat-syarikat Bumiputera mesti mematuhi beberapa syarat lain untuk menikmati kelonggaran yang disebut di atas. Ini termasuk, penyusunan gabungan syarikat-syarikat perlu mempunyai unsur-unsur ketulenan, dan syarikat yang digunakan sebagai wahana ("NewCo.") bagi tujuan penyenaian hendaklah kekal sebagai syarikat Bumiputera sejurus apabila disenaraikan dan selepas disenaraikan.

Beberapa usaha lain untuk membantu syarikat Bumiputera menyertai BSKL dan MESDAQ sedang dipertimbangkan. SC berpendapat bahawa syarat-syarat penyenaian bagi syarikat Bumiputera tidak harus dilonggarkan lagi kerana ia akan membawa persepsi negatif terhadap kualiti syarikat-syarikat yang diterajui oleh kaum Bumiputera.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Usaha lain SC untuk membantu golongan Bumiputera ialah dengan menubuhkan sebuah Unit Bumiputera yang mula beroperasi pada 1 April 1999. Unit ini berfungsi sebagai pusat maklumat sehenti di SC untuk mengendalikan hal-hal berkaitan Bumiputera, sehaluan dengan objektif berterusan dan jangka panjang SC untuk menggalakkan penglibatan Bumiputera di dalam pasaran modal Malaysia.

Unit Bumiputera merupakan penghubung di antara SC dan masyarakat Bumiputera, khususnya, syarikat-syarikat Bumiputera. Golongan ini boleh menghubungi Unit tersebut untuk mendapatkan penjelasan dan bantuan berkenaan perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa SC seperti yang berkaitan dengan permohonan untuk penyenaian dan prosedur-prosedur pelesenan. Untuk makluman Tuan-Tuan dan Puan-Puan pertemuan kita di bengkel pada hari ini adalah hasil daripada kerjasama antara Unit Bumiputera SC dan pihak PNS. Bengkel ini merupakan asas kepada Program Pembangunan Bumiputera yang sedang dirangka oleh SC. Program ini akan merangkumi langkah-langkah yang lebih menyeluruh untuk melihat pembabitan Bumiputera secara lebih meluas dalam pasaran modal. SC juga sentiasa mengalu-alukan kerjasama dari agensi-agensi Bumiputera yang lain seperti Perbadanan Usahawan Nasional (PUNB),

S P E E C H E S

Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) untuk mengadakan usahasama bagi membincangkan peranan syarikat Bumiputera dalam pasaran modal dan cara-cara untuk mengengahkan mereka dalam industri ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Saya amat berharap agar peserta bengkel ini dapat memanfaatkan maklumat-maklumat yang bakal disampaikan berhubung cara dan faedah-faedah penyenaian serta tanggungjawab syarikat selepas disenaraikan, untuk mengorak langkah membuat persediaan untuk menyenaraikan syarikat masing-masing di bursa saham Malaysia. Saya berharap agar para peserta akan dapat memahami dengan lebih jelas bahawa sungguhpun proses penyenaian adalah sesuatu yang sukar, tetapi ia tidak mustahil dicapai. Sebelum saya mengundur diri, adalah menjadi harapan saya agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan dapat menyumbang ide-ide yang konstruktif semasa bengkel ini demi kebaikan semua pihak dan masyarakat Bumiputera khususnya. Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada sokongan pihak PNS dan kakitangan SC yang telah bertungkus-lumus untuk memastikan agar program ini mencapai kejayaan, dan tidak lupa kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang telah meluangkan masa untuk menyertai bengkel ini.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SURUHANJAYA SEKURITI
22 November 1999